

# PEKAN TEATER

## PERINGKAT KEBANGSAAN

1996  
PEPERIKHTAKKAN  
AKADEMI SENI KEBANGSAAN  
16 - 21 Disember 1996



Auditorium Utama  
Kompleks Penerangan Pelancongan Malaysia  
(MATIC)  
Jalan Ampang, Kuala Lumpur



anjuran  
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia



dengan kerjasama  
Majlis Teater Kebangsaan Malaysia (TEMA)



dan  
Dewan Bahasa dan Pustaka

**PEKAN TEATER**  
PERINGKAT KEBANGSAAN

**1996**

16 – 21 Disember 1996

Auditorium Utama  
Kompleks Penerangan Pelancongan Malaysia (MATIC)  
Jalan Ampang, Kuala Lumpur

anjuran  
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia

dengan kerjasama  
Majlis Teater Kebangsaan Malaysia (TEMA)

dan  
Dewan Bahasa dan Pustaka

# TUJUAN

**MENYEDIAKAN RUANG DAN PELUANG  
KE ARAH PEMBANGUNAN SENI TEATER  
TANAH AIR**

**MELAHIRKAN KUMPULAN  
TEATER YANG MANTAP DAN MEMPUYAI  
KEPEKAAN TERHADAP KEPERLUAN  
PERSEKITARAN SERTA SELARAS DENGAN  
HASRAT PEMBANGUNAN NEGARA**

**MENYEDIAKAN RUANG PERKEMBANGAN  
TEATER SEBAGAI SATU MEDIA KEBUDAYAAN  
YANG BERKESAN**

**MENYALURKAN MESEJ KEMANUSIAAN**

**MEMBANGUNKAN SATU TRADISI BERTEATER  
UNTUK TUJUAN PENDIDIKAN MASYARAKAT  
MALAYSIA**



## SECECĀJH HĀRĀPĀN

**K**EMENTERIAN Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia sekali lagi menganjurkan Pekan Teater 1996 buat kali ketujuh berturut-turut yang sentiasa dinanti-nantikan oleh para aktivis teater.

Kegiatan berteatr dapat membina kreativiti dan memberi peluang kepada penulis, penggerak dan pelakon untuk menyalurkan idea-idea bernas bagi tujuan pendidikan ke arah pembangunan masyarakat selaras dengan hasrat pembangunan negara.

Sehubungan dengan itu adalah menjadi harapan saya, Pekan Teater 1996 ini mampu menjadi landasan ke arah perkembangan teater yang dinamik serta berwibawa selaras dengan konsep teater untuk kemanusiaan. Tradisi berteatr hendaklah berkeupayaan untuk mendidik masyarakat penyayang, budaya kerja cemerlang dan pemupukan nilai-nilai murni. Saya percaya kegiatan ini boleh dijadikan asas ke arah memartabatkan teater ke tempat yang sewajarnya.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas kepada Ahli Jawatankuasa Pengelola, juga individu yang turut memberikan komitmen bagi menjayakan Pekan Teater 1996.

Sekian, terima kasih.

Ikhlās,

  
**(DATO' SABBARUDDIN CHIK)**  
Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia



## SELAYANG PANDANG


**P**EKAN Teater 1996 adalah kesinambungan aktiviti tahunan teater sejak dari tahun 1990 anjuran Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia.

Aktiviti ini perlulah dimanfaatkan oleh setiap aktivis teater tanah air. Perhimpunan teater ini diharap dapat mengeratkan lagi hubung jalin antara aktivis teater di seluruh negara melalui kreativiti seni.

Sebanyak 130 buah kumpulan teater telah mengambil bahagian pada tahun ini di seluruh negara. Saya berharap para aktivis teater berpeluang mengukur keupayaan, bertukar fikiran dan kepada mereka yang baru berjinak-jinak dengan teater akan mendapat pendedahan melalui sidang keilmuan bersama-sama tokoh teater tanah air semasa berlangsungnya Pekan Teater ini.

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Pekan Teater 1996 ini. Semoga program ini menjadi wadah ke arah pembinaan insan yang berbudaya intelek.

Selamat berteatr.



**(DATUK ISMAIL ADAM)**  
Ketua Setiausaha,  
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia



## SEKAPUR SIRIH

*S*EKALI lagi Pekan Teater mencatat sejarahnya yang bermakna dalam pembinaan dan perkembangan teater tanah air. Pertandingan pementasan drama dalam Pekan Teater menggambarkan usaha-usaha memantapkan kemampuan pengarah, pelakon dan badan teater tanah air dalam memilih skrip dan mencorakkan pementasan hingga ke peringkat mutu persembahan teater yang tinggi.

Kami berharap kumpulan drama yang menang akan dapat membuat pementasan di beberapa buah negeri di Semenanjung dan di luar negara. Dengan cara ini mereka akan dapat menambah pengalaman baru dan lebih berani ke dunia teater.

Dalam zaman sains dan teknologi serta internet ini, penulis, pengarah, pelakon dan semua yang terlibat dalam dunia teater perlu mengisi ilmu diri dengan perkembangan sains, teknologi, internet dan segala kemajuan baru supaya kita semua dapat mengisi erti kemerdekaan dan kehendak pemimpin negara dalam zaman yang penuh dengan cabaran ini.

Tahniah kepada semua penganjur dan AJK Pekan Teater 1996 ini.

**(HAJI A. AZIZ DERAMAN)**  
Ketua Pengarah,  
Dewan Bahasa dan Pustaka



**(ZAKARIA ARIFFIN)**  
Presiden,  
Majlis Teater Kebangsaan Malaysia (TEMA)

TERIMA KASIH

kepada

Majlis Teater Kebangsaan Malaysia (TEMA)

Penganjur bersama Pekan Teater 1996

## MAJLIS PERASMIAN PEKAN TEATER 1996

- Tarikh      ➤ 16 Disember 1996
- Masa        ➤ 8.30 malam
- Tempat     ➤ Auditorium Utama  
Kompleks Penerangan Pelancongan Malaysia  
(MATIC) Jalan Ampang,  
KUALA LUMPUR
- 8.00 malam ➤ Para Peserta Mengambil Tempat
- 8.15 malam ➤ Ketibaan Para Jemputan
- 8.20 malam ➤ Ketibaan Dif-dif Kehormat
- 8.30 malam ➤ Ketibaan Y. Bhg. Datuk Ismail Adam  
Ketua Setiausaha,  
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan  
Pelancongan Malaysia
- 8.35 malam ➤ Ucapan alu-aluan oleh  
Tn. Haji Mohd. Ariff Bin Yusof  
Setiausaha Bahagian Kebudayaan  
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan  
Pelancongan Malaysia
- 8.45 malam ➤ Ucapan Perasmian oleh  
Y. Bhg. Datuk Ismail Adam  
Ketua Setiausaha,  
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan  
Pelancongan Malaysia
- 9.15 malam ➤ Pementasan Teater
- Jamuan Ringan
- Bersurai

## MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PEKAN TEATER 1996

- Tarikh      ➤ 21 Disember 1996
- Masa        ➤ 8.30 malam
- Tempat     ➤ Auditorium Utama  
Kompleks Penerangan Pelancongan Malaysia  
(MATIC) Jalan Ampang,  
Kuala Lumpur
- 8.00 malam ➤ Para Peserta Mengambil Tempat
- 8.15 malam ➤ Ketibaan Para Jemputan
- 8.25 malam ➤ Ketibaan Dif-dif Kehormat
- 8.30 malam ➤ Ketibaan Y. B. Dato' Sabbaruddin Chik  
Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan  
Malaysia
- 8.35 malam ➤ Pementasan Teater
- Acara Selingan
- Majlis Penyampaian Hadiah dan Cenderamata
- Jamuan Ringan
- Bersurai



NAIB JUARA:  
Kumpulan Astaka Sari,  
Pulau Pinang  
dengan persembahan  
drama - 'MAYAT'

**PEMENANG  
PEKAN TEATER  
PERINGKAT KEBANGSAAN  
1995**



JUARA:  
Kelompok Sanggar Teater Terengganu  
dengan dramanya 'MAYAT'



KETIGA:  
Kumpulan Institut Teknologi  
MARA (INTEKMA), Pahang.  
Drama yang dipentaskan –  
‘RAJA PENGEMIS’



## LATAR BELAKANG KUMPULAN PEKAN TEATER PERINGKAT KEBANGSAAN 1996



KUMPULAN ARTIS TEATER AMATUR (KATA)  
MELAKA

KATA ditubuhkan pada tahun 80an tetapi telah bergiat aktif menyertai Pekan Teater negeri pada tahun 1993.

Aktiviti KATA adalah seperti yang berikut:-

- (1) 1993 : Drama “MAYAT”.
- (2) 1994 : Drama “IMBAS” – Pekan Teater Peringkat Zon Selatan.
- (3) 1996 : Drama “IMBAS” – Pekan Teater Negeri Melaka dan berjaya menjadi JUARA.

Sepanjang penglibatan KATA dalam bidang teater hingga kini, KATA juga membuat persembahan teater di program-program yang dijalankan oleh Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Melaka.

### SINOPSIS “IMBAS”

Imbasan kembali sejarah kedatangan dan usaha mempertahankan British di Malaya sekitar tahun 1800 masihi.

Imbas juga mengisahkan kegigihan Munshi Abdullah dan rakan-rakannya mempertahankan hak pribumi, khususnya di Melaka.

Kisah ini terjadi dan adalah lamunan MAMAK KUMBANG, seorang pembeli botol yang pernah bekerja dengan Tuan Raffles dan Munshi Abdullah.



### **KUMPULAN GABUNGAN ANAK SENI TEATER ITM PERAK (GASTIP)**

GASTIP telah ditubuhkan pada tahun 1994 di bawah Persatuan Hal Ehwal Dalam Pelajar di Institut Teknologi Mara, Cawangan Perak. Ia merupakan salah satu daripada beberapa persatuan yang telah sedia ada di kampus berkenaan. Kumpulan ini mendapat kerjasama sepenuhnya dari pihak pentadbiran ITM, Perak dalam apa jua kegiatan ahli-ahlinya termasuk dari segi kewangan.

GASTIP bergiat aktif dalam aktiviti teater dan telah berjaya menaikkan nama Perak di dalam program Pekan Teater. Antara aktiviti GASTIP :-

- (1) Pekan Teater Perak 1994 : Drama "HIKMAH" – mendapat tempat ketiga.
- (2) Pekan Teater Perak 1995 : Drama "PATUNG-PATUNG"  
Menjadi Juara dan memenangi anugerah Pengarah Terbaik dan Pelakon Wanita Terbaik.  
Mewakili Perak di Pekan Teater Peringkat Zon Tengah dan mendapat anugerah Teknik Terbaik di Pekan Teater Peringkat Kebangsaan.
- (3) Pekan Teater Perak 1996 : Drama "KERUSI"  
Menjadi Juara dan memenangi anugerah Pengarah Terbaik, Pelakon Lelaki Terbaik dan Pelakon Wanita Terbaik.
- (4) Pekan Teater Peringkat Zon Tengah 1996 : Mewakili Negeri Perak dan menjadi Naib Juara.

### **SINOPSIS "KERUSI"**

Sebagai seorang penulis, pembikin dan pengkritik teater, Hatta Azad Khan telah mencerminkan sikap pencipta yang berubah-ubah. "KERUSI" cuba menjelajahi wilayah sejagat menerusi perbincangan tentang imbasan kuasa, ilusi dan kekosongan manusia.

Prolog,

Anda boleh menjadi Serisegala,  
Jikalau anda mengserisegalakan diri, akan bijaksana di samping kuasa yang diberi bertindak secara keji.

Anda boleh menjadi Tuta Utama dan Tuta-Tuta,  
Jikalau anda menjadi pengikutnya, kenalkah siapa Serisegala sebenarnya?!

Anda boleh menjadi Putera,  
Jikalau anda memputerakan diri, akan tewas kerana bertindak secara tersendiri.

Begitu juga Masayu, isteri gelaran diberi,  
Turut menjadi mangsa penguasa negeri.

Tapi jikalau anda memputerakan diri dengan seikhlas hati kerana kecewa,  
Nasihatilah Wira-wira supaya bertindak secara kerjasama dan....

Akhirnya ... tertewas!  
Tapi siapakah 'Anda'?!

Dengan menjunjung falsafah penulis maka ingatlah jangan terlalu asyik dengan lambang-lambang  
kuasa yang akan mengongkangi anda.

Inshaallah....



### KELAB TEATER RIMBA, UKM, SELANGOR

Kelab Teater Rimba Unit Kebudayaan (KTR), UKM telah ditubuhkan pada tahun 1992. Semenjak KTR ditubuhkan, banyak aktiviti dan kejayaan yang dicapai oleh KTR. Antaranya:-

- (1) Johan Pesta Seni Pentas Wilayah Persekutuan.
- (2) Wakil Wilayah Persekutuan dalam Pekan Teater Kebangsaan 1993.
- (3) Menyertai Pertandingan Drama/ Teater Antara Pusat Pengajian Tinggi 1995.
- (4) Menyertai Pekan Teater Selangor 1995, dan menjadi Juara.
- (5) Menyertai Festival Kesenian Universiti ASEAN 1994.

### SINOPSIS "JANGAN BUNUH RAMA-RAMA"

Sebahagian daripada cerita ini adalah berpandukan kepada firman Allah di dalam al-Quran surah al-Baqarah ayat 144. Ia mengisahkan tentang Nur Atma yang wujud dalam dua keadaan iaitu roh dan jasad dalam perjalanan di alam sejagat untuk mencari keluhuran. Dalam perjalanannya yang begitu lama, Nur Atma telah bertemu dengan watak manusia seperti Badut, Wak Kelentung, Bidan Tok Mah, Jeragan, Orang Bertapa dan sebagainya yang mana kejadian yang telah menimpa mereka jelas menunjukkan bahawa semua manusia adalah sama menuju kepada satu arah kiblat sahaja.



### ANGKATAN SERI JOHOR (ASJ) JOHOR

ASJ telah ditubuhkan pada awal tahun 1991 di bawah pimpinan saudara Ahmad Ramlee bin Salikon yang bernaung di bawah Taman Seni Budaya Johor.

Antara aktiviti yang dilakukan oleh ASJ:-

- (1) 1991 – 1993 : Merancang Teater Keliling Satu – Drama "DARAH".
- (2) 1994 – 1995 : Teater Keliling Dua – Drama "PROTES".
- (3) 1996 : Teater Keliling Tiga – Drama "MATINYA SEORANG PAHLAWAN" dan "WAK CANTUK".
- (4) Kumpulan ini juga pernah menyertai Pekan Teater Peringkat Negeri Johor sejak tahun 1992, 1993, 1994, 1995, dan 1996.

Dalam program Teater Keliling terdapat tiga segmen:-

- (a) Persembahan Teater
- (b) Bengkel
- (c) Diskusi.

Lima perkara yang diberi pendekatan iaitu:-

- (a) Teater untuk pendidikan
- (b) Teater untuk agama
- (c) Teater untuk masyarakat
- (d) Teater untuk kemanusiaan
- (e) Teater untuk budaya.

## SINOPSIS "WAK CANTUK"

"Manusia sekarang sudah banyak yang gila. Sudah banyak diinggapi penyakit seribu satu macam gila...", begitulah yang dilaungkan oleh Wak Cantuk yang tidak senang dengan sikap masyarakat Kampung Tembaga lalu mengambil keputusan bertindak ganas demi mempertahankan kemakmuran dan kesejahteraan sejagat.

Tasmiah punca segala persoalan dan Marmar merupakan pokok persoalan utama menyebabkan mengapa dan kenapa Wak Cantuk bersikap seolah-olah orang yang telah kehilangan akal.

Lalu Wak Cantuk mengamuk demi mengejar kebahagiaan diri dan akhirnya....



## GRUP TEATER TAMU SERI KUCHING (TASEK), SARAWAK

TASEK diwujudkan pada 17 Mei 1996. Naskhah "VAKUM" merupakan produksinya yang pertama. TASEK ialah kumpulan yang cuba menghimpunkan anak-anak seni dari pelbagai kumpulan yang menggunakan Rumah Seri Kuching sebagai medan pertemuan, latihan, dan berkreativiti.

Melalui kerjasama ini diharap dapat menggabungkan idea, kreativiti dan pengalaman dari pelbagai aliran fahaman seni untuk menghasilkan sebuah pementasan bermutu. Selain menjalinkan hubungan murni di kalangan pertubuhan teater di bandar raya Kuching, TASEK juga meyakinkan masyarakat umum bahawa kesenian teater merupakan salah satu sumber ilmu dengan memberi kita merasai nilai-nilai kemanusiaan dan kerohanian di dalam diri dan masyarakat – "TEATER PROJEKTOR KEMANUSIAAN".

## SINOPSIS "VAKUM"

Tanpa disedari dunia seluruhnya telah pun ditakluki oleh para arkitek secara psikologikal. Akan lebih menyeramkan daripada penaklukan dan penjajahan dalam perang dunia kedua ataupun pertama atau pada sebelumnya.

Revolusi tamadun? Apa ertinya apabila hanya akan mengembalikan kebekuan daya dan motivasi. Apa ertinya revolusi peradaban apabila anak-anak manusia yang bakal lahir adalah spesis yang kematian roh. Pada suatu waktu kemuncak kegeniusan mereka merupakan puing keangkuhan yang mereka dakwakan adalah himpunan genius yang menyatu dan membentuk alam VAKUM. Kita di dalamnya; paling celaka kalau tidak menyedari, tapi lagi celaka apabila menyedari tapi tidak mahu peduli.

## KUMPULAN PENDITA KOLEKTIF, (PENDETA) TAWAU, SABAH

PENDETA ditubuhkan pada 15 Julai, 1996 dan dianggotai oleh 30 orang ahli yang terdiri daripada pelbagai suku kaum seperti Jawa, Buton, Bolongan, Banjar, Suluk, Bugis dan lain-lain. Aktivitinya adalah seperti yang berikut:-

- (1) Pekan Teater 1995: Drama "MATINYA SEORANG PAHLAWAN"
- (2) Pekan Teater 1996: Drama "KERUSI" – Kumpulan Terbaik, Pengarah Terbaik, Pelakon Wanita Terbaik, dan Teknik Terbaik di Peringkat Negeri Sabah.
- (3) Juara di peringkat Zon Tenggara, Pekan Teater 1996.

### SINOPSIS "KERUSI"

Yang berkuasa menggunakan "Kerusi" sebagai lambang kekuasaannya. Ia merupakan satu tempat yang tinggi dan tidak boleh diabaikan. Manakala "Gong" sebagai topeng untuk dia lebih berkuasa. "Gong" boleh memberinya kuasa dan menguasai seseorang.

Dia berjanji kepada orang yang diperintahnya tentang dunia tiga penjurunya yang dipenuhi dengan segala kesenangan namun semuanya kosong. Lalu, berlakulah perebutan kuasa daripada orang yang mempunyai rasa tanggungjawab untuk menaikkan martabat bangsa, agama dan negara, kerana yang berkuasa itu terlalu sombong dan angkuh dengan kuasanya dan tidak menjaga kepentingan orang yang memerlukan khidmatnya. Lahirlah golongan penentang dari bawah. Walaupun mereka lemah tetapi dengan usaha yang gigih, akhirnya kejahatan yang terselindung di sebalik mereka yang berkuasa itu dapat dihapuskan.

## JADUAL PEMENTASAN DRAMA

Tarikh	⇒ 16 – 21 Disember 1996
Masa	⇒ 8.30 malam
Tempat	⇒ Auditorium Utama Kompleks Penerangan Pelancongan Malaysia (MATIC), Jalan Ampang, Kuala Lumpur

### 16 Disember 1996

Judul	⇒ "IMBAS"
Karya	⇒ Hashim Yassin
Kumpulan	⇒ Kumpulan Artis Teater Amatir (KATA), Melaka
Arahan	⇒ Mistar Saidin

### 17 Disember 1996

Judul	⇒ "KERUSI"
Karya	⇒ Hatta Azad Khan
Kumpulan	⇒ Kumpulan Gabungan Anak Seni Teater ITM Perak (GASTIP), Perak
Arahan	⇒ Farid B. Hashim

### 18 Disember 1996

Judul	⇒ "JANGAN BUNUH RAMA-RAMA"
Karya	⇒ Datuk Noordin Hassan
Kumpulan	⇒ Kelab Teater Rimba UKM, Selangor
Arahan	⇒ Mohd Faisal Abd. Rahman

### 19 Disember 1996

Judul	⇒ "WAK CANTUK"
Karya	⇒ Shahrom Husin
Kumpulan	⇒ Angkatan Seri Johor (ASJ), Johor
Arahan	⇒ Ahmad Ramlee Salikon

### 20 Disember 1996

Judul	⇒ "VAKUM"
Karya	⇒ Anuar Nor Arai
Kumpulan	⇒ Grup Teater Tamu Seri Kuching (TASEK), Sarawak
Arahan	⇒ Malek Hassan

### 21 Disember 1996

Judul	⇒ "KERUSI"
Karya	⇒ Hatta Azad Khan
Kumpulan	⇒ Kumpulan Pendita Kolektif, (PENDETA) Tawau, Sabah
Arahan	⇒ Ali Ahmad

# SIDANG KEILMUAN PEKAN TEATER 1996

16 – 20 DISEMBER 1996

TARIKH	PENCERAMAH	TAJUK 9.00 – 11.00 PAGI	SESI DISKUSI 11.30 – 12.30 TGH.
16.12.1996	TUAN HAJI MARZUKI ALI	VOKAL	DISKUSI /INTERAKSI
17.12.1996	PROF. DR. MOHD GHOUSE NASARUDDIN	PENGURUSAN PENTAS/TEATER TEKNIKAL	DISKUSI /INTERAKSI
18.12.1996	ENCIK ISMAIL KASSAN	MOTIVASI DIRI	DISKUSI /INTERAKSI
19.12.1996	DR. NORDIN KARDI	KAUNSELING	DISKUSI /INTERAKSI
20.12.1996	ENCIK AZHAR ABU BAKAR	PEMASARAN TEATER	DISKUSI /INTERAKSI

# JAWATANKUASA PENGANJUR PEKAN TEATER 1996

## PENAUNG

Y. Bhg. Dato' Sabbaruddin Chik  
MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN PELANCONGAN MALAYSIA

## PENASIHAT

Y. Bhg. Datuk Ismail Adam  
KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN PELANCONGAN MALAYSIA

Y. Bhg. Tuan Haji A. Aziz Deraman  
KETUA PENGARAH  
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

## PENGERUSI

YM. Dato' Tengku Alauddin Tengku Abdul Majid  
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN PELANCONGAN MALAYSIA

## TIMBALAN PENERUSI

Tuan Haji Mohd. Ariff Yusoff  
SETIAUSAHA BAHAGIAN KEBUDAYAAN  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN PELANCONGAN MALAYSIA

## SETIAUSAHA

Encik Yahaya Awang  
KETUA PENOLONG SETIAUSAHA (PGK)  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN PELANCONGAN MALAYSIA

## PENOLONG SETIAUSAHA

Encik Mohd Amin Ahmad  
PENOLONG SETIAUSAHA (PGK)  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN PELANCONGAN MALAYSIA

## AHLI JAWATANKUASA PENYELENGGARA PEKAN TEATER 1996

### Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia

Tuan Haji Supiat Mukri  
Encik Mohd. Bisharuddin Mohd. Nor  
Basha  
Encik Zaini Nyak Othman  
Encik Md. Zaky Din  
Puan Norliza Rofli  
Tuan Haji Sulaiman Yusof  
Puan Hajjah Noorsiah Sabri  
Puan Zaiton Md. Desa  
Encik Mohamed Juhari Haji Shaarani  
Encik Chua Tek Luwi  
Encik Mohd. Husin Yahaya  
Puan Roslindawati A. Rahman  
Puan Zahana Bidin  
Cik Rosminah Mohd Tahir  
Encik Zaifri Husin  
Encik Rauf Puteh  
Encik Mohd. Adnan Hamzah  
Puan Haniah Haji Hassan  
Encik Kudratullah Fatimy  
Encik Makhzan Mahyuddin  
Cik Junaidah Salleh  
Puan Norazlin A. Aziz  
Encik Ghazali Bidin  
Encik Zaharin Mohamed Noor  
Encik Amran Nasaruddin  
Encik Azhar Abd. Kadir  
Encik Dzulkarnain Mad Aris  
Encik Mazlan Yahaya  
Encik Jamar Ali  
Encik Jamal Bab

Encik Abd Razak A. Rahman  
Encik Abdullah Shukri Hj. Yusof  
Encik Zulkifli Husin  
Encik Halimi Hassan  
Encik Sivakumar a/l Nagayan  
Puan Zaini Nyasa  
Puan Salmiah Yusof  
Puan Norasma Hashim  
Puan Rohani Khamis  
Puan Siti Fatimah Othman  
Cik Zainah Hamijan  
Encik Zaman Sulaiman  
Encik Shariff Kailani  
Encik Sabri Ahmad  
Encik Jamaluddin Ahmad  
Cik Madiana Ismail  
Cik Rahimah Shamsudin

### Dewan Bahasa dan Pustaka

Encik Jalil A. Rahman  
Encik A. Ghani Abdullah  
Puan Amilah Ab. Rahman  
Puan Rahimah A. Hamid  
Encik Fadzil Agussallim  
Encik Amin Wagiman  
Encik Naim Hj. Ahmat  
Encik Omar Mohd. Nasir  
Encik Mashudi Abdullah  
Encik Zamani Nordin  
Encik Anuar Hj. Sitam

## JAWATANKUASA MAJLIS TEATER KEBANGSAAN MALAYSIA (TEMA) TAHUN 1995 - 1997

Presiden : Sdr. Zakaria Ariffin  
Naib Presiden : Sdr. Arjuna @ Mohd. Noor Yunus  
Setiausaha Agung : Sdr. Kamaruzaman Hj. Ibrahim  
Bendahari Agung : Sdr. Amir Nizamuddin Ahmad Mukhtar  
Penolong Setiausaha : Sdr. Saifulkhairi Ahmad  
Ahli Jawatankuasa : Sdr. Morad Ibrahim  
Sdr. Mustafa Abu Bakar  
Sdr. Zulkifli Ismail  
Sdr. Che Azhar Ibrahim  
Sdr. Fatimah Omar

### PANEL PENILAI PEKAN TEATER 1996 PERINGKAT KEBANGSAAN

- (1) Tuan Haji Sufiat Mukri - Ketua Panel
- (2) Dr. Samat Salleh
- (3) Tuan Haji Ahmad Yatim
- (4) Encik Khalid Salleh
- (5) Cik Normah Noordin

### PANEL PENILAI PEKAN TEATER 1996 PERINGKAT ZON

- (1) Prof. Madya Dr. Abd. Rahman Napiah - Ketua Panel
- (2) Dr. Noordin Kardi
- (3) Encik Zakaria Ariffin
- (4) Encik Ismail Kassan
- (5) Tuan Haji Marzuki Ali

# SENARAI PEMENANG PEKAN TEATER 1995

**KATEGORI : JUARA**

Hadiah : RM4 000.00 serta piala iringan  
Drama : Mayat  
Kumpulan : Kelompok Sanggar Teater Terengganu

**KATEGORI : NAIB JUARA**

Hadiah : RM3 000.00 serta piala iringan  
Drama : Mayat  
Kumpulan : Kumpulan Astaka Sari Kampong Seronok, P. Pinang

**KATEGORI : TEMPAT KETIGA**

Hadiah : RM2 000.00 serta piala iringan  
Drama : Raja Pengemis  
Kumpulan : INTEKMA, Pahang

**KATEGORI : PENGARAH TERBAIK**

Hadiah : RM1 500.00 serta piala iringan  
Nama : Mohd Sabri Muda  
Drama : Mayat  
Kumpulan : Kelompok Sanggar Teater Terengganu

**KATEGORI : PELAKON LELAKI TERBAIK**

Hadiah : RM1 000.00 serta piala iringan  
Nama : Ahmad Nizam Bahari  
Watak : Sahabat 1  
Drama : Mayat  
Kumpulan : Kelompok Sanggar Teater Terengganu

**KATEGORI : PELAKON WANITA TERBAIK**

Hadiah : RM1 000.00 serta piala iringan  
Nama : Shree Rozeanne Sulaiman  
Watak : Lady Kupu-kupu  
Drama : Raja Pengemis  
Kumpulan : INTEKMA, Pahang

**KATEGORI : PELAKON PEMBANTU LELAKI TERBAIK**

Hadiah : RM500.00 serta piala iringan  
Nama : Mohamed Safar  
Watak : Sahabat 3  
Drama : Mayat  
Kumpulan : Kumpulan Astaka Sari Kampong Seronok, P. Pinang

**KATEGORI : PELAKON PEMBANTU WANITA TERBAIK**

Hadiah : RM500.00 serta piala iringan  
Nama : Farariza Mohd Farid  
Watak : Patung 6  
Drama : Patung-patung  
Kumpulan : Kumpulan GASTIP ITM, Perak

**KATEGORI : TEKNIK TERBAIK**

Hadiah : RM500.00 serta piala iringan  
Drama : Patung-patung  
Kumpulan : Kumpulan GASTIP ITM, Perak

**KATEGORI : HADIAH KHAS JURI "KREATIVITI KERJA BERPASUKAN"**

Drama : Jalan Sempit  
Kumpulan : BATEK Wilayah Persekutan

# PENGHARGAAN

Jawatankuasa Penganjur merakamkan setinggi-tinggi penghargaan  
dan ucapan terima kasih kepada:

**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA  
MAJLIS TEATER KEBANGSAAN MALAYSIA (TEMA)  
RADIO TELEVISYEN MALAYSIA (RTM)  
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR  
SISTEM TELEVISYEN MALAYSIA BERHAD (TV3)  
POLIS DIRAJA MALAYSIA  
BADAN SERANTA  
PESATUAN TEATER  
WARTAWAN  
WISMA BELIA  
MATIC**

dan

AGENSI KERAJAAN, SWASTA

serta

Orang perseorangan yang memberi kerjasama, sokongan  
tenaga dan masa secara langsung atau tidak langsung  
dalam menjayakan program ini

*TERIMA KASIH*

*MALAM PUISI PENDEKAR*

*pada 31 Disember 1996*

*di Balai Budaya Tun Syed Nasir*

*Dewan Bahasa dan Pustaka*

*Jam 8.30 malam*

*Anjuran:*

- *Dewan Bahasa dan Pustaka*
- *Persatuan Seni Silat Cekak  
Ustaz Hanafi Malaysia*
- *Kementerian Kebudayaan,  
Kesenian dan Pelancongan  
Malaysia*